



22142823



MALAY AB INITIO – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS AB INITIO – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO AB INITIO – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Tuesday 13 May 2014 (morning)
Mardi 13 mai 2014 (matin)
Martes 13 de mayo de 2014 (mañana)

1 h 30 m

TEXT BOOKLET – INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for paper 1.
- Answer the questions in the question and answer booklet provided.

LIVRET DE TEXTES – INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

CUADERNO DE TEXTOS – INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

Blank page
Page vierge
Página en blanco

TEKS A

MAJLIS RESEPSI BERTEMA JAWA



- 5
- 10
- 15
- 20
- 1 7 Jun 2013, itulah tarikh penting yang paling indah dalam hidup pasangan pengantin Noor Azreen binti Noor Sharif dan Mohd Zul Firdaus Shah bin Mohd Nor. Pernikahan mereka berlangsung di rumah keluarga perempuan di Shah Alam. Hari itu mereka bahagia sebagai suami isteri yang baru. Kemeriahan majlis perkahwinan itu berterusan hingga majlis resepsi mereka. Majlis persandingan* dan resepsi mereka diadakan pada 9 Jun 2013 di bangunan Wisma MBSA, Shah Alam. Tema majlis resepsi mereka ialah Jawa. Tema resepsi Jawa menjadikan majlis tersebut sangat unik dan istimewa. Perhiasan dewan tempat berlangsungnya majlis resepsi tersebut begitu sinonim dengan konsep Jawanya, warna coklat klasik.
 - 2 Majlis resepsi tersebut begitu meriah dihadiri seramai 1300 orang ahli keluarga, rakan dan kenalan. Majlis tersebut juga meriah dikunjungi saudara-mara pengantin. Mereka datang dari Bandung, Surabaya, Dumai dan Singapura. Jurufoto majlis resepsi tersebut, Subhi Karim, mengambil gambar foto pengantin, keluarga, sanak-saudara serta rakan yang menghadiri majlis tersebut sebagai kenangan manis. Dialah orang yang paling sibuk dalam majlis hari itu.
 - 3 Makanan untuk majlis resepsi tersebut disediakan oleh Delima Catering yang memang sangat terkenal dengan perkhidmatan makanan mereka. Pihak pengantin lelaki dan perempuan membalas hantaran sebanyak tujuh dulang. Pengantin perempuan menerima hantaran seperti naskah Al-Quran, telefon bimbit, beg tangan, barang kemas serta barangan kosmetik daripada pihak lelaki. Pengantin lelaki pula menerima hantaran seperti baju, kamera, kasut, telefon bimbit dan minyak wangi daripada pihak perempuan. Selepas majlis resepsi, pasangan pengantin baru ini pergi berbulan madu ke Pulau Jawa. Mohd Zul Firdaus sudah lama merancang untuk melancong ke Pulau Jawa bersama pasangannya kerana dia begitu meminati budaya Jawa.

Disesuaikan daripada *Pengantin* (2013)

* Majlis persandingan: Pengantin lelaki dan perempuan duduk bersebelahan di atas pelamin dalam majlis yang dihadiri ramai orang

TEKS B

SATE KASIM



- 5 ❶ Sate Kasim terkenal di sekitar Sentul, Kuala Lumpur. Pada Hari Raya¹, satenya mendapat tempahan yang tinggi. Kasim Hussain berumur 55 tahun. Dia menjual sate selama 37 tahun. Malah kipas yang digunakan untuk mengipas satenya juga berusia 37 tahun. Kasim belajar membuat sate pada umur lapan tahun daripada seorang penjual sate dekat kampungnya, di Jalan Hang Tuah, Melaka. Minat yang mendalam terhadap perniagaan sate telah menyebabkan Kasim berhenti sekolah ketika dia belajar dalam tahun dua di sekolah rendah. Namun, Kasim pastikan anak-anaknya belajar dengan baik. Tiga daripada enam orang anaknya berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti.
- 10 ❷ Semasa Kasim mula-mula membuat sate, dia dibayar 50 sen sehari. Pada umur 19 tahun, Kasim pergi ke Kuala Lumpur untuk berniaga. Dia hanya mempunyai RM30² dalam tangannya. Dia berniaga sate di sekitar kawasan Sentul, Kuala Lumpur. Kasim bekerja dengan rajin dan tekun. Kini, Syarikat Kasim Sate sangat terkenal. Kasim mempunyai 12 orang pekerja. Dia mendapat banyak pesanan sate apabila tiba Hari Raya setiap tahun. Ada sekali Kasim menerima tempahan sate untuk RM30 000 sehari. Sate itu dipesan untuk majlis Rumah Terbuka Hari Raya di Kuala Lumpur.
- 15 ❸ Kasim menjual tiga jenis sate. Ada sate lembu, sate kambing dan sate ayam. Sate lembu harganya 70 sen satu cucuk. Sate kambing dan ayam pula harganya 80 sen satu cucuk. Ramai pelanggan Kasim suka akan sate buatannya kerana satenya berjus dan lembut. Sate dimakan dengan kuah kacang. Kuah kacang buatan Kasim sangat sedap. Kasim juga menyediakan perkhidmatan yang baik untuk pelanggannya. Ramai pelanggan yang memesan sate daripada Kasim untuk dibawa pulang ke kampung kerana dia tidak pernah lewat dalam menyediakan sate untuk pelanggannya mengikut masa. Dia selalu mendapat tempahan sate untuk Hari Raya, pelbagai jenis majlis, jamuan makan serta rumah terbuka.

Disesuaikan daripada *Kosmo* (2013)

¹ Hari Raya: Perayaan yang disambut oleh orang Islam selepas berpuasa selama satu bulan

² RM30: Tiga puluh ringgit

TEKS C

PENINGKATAN SUHU DAN HUJAN YANG BANYAK

1 Pemanasan global telah meningkatkan suhu (*temperature*) dunia. Peningkatan suhu dunia akan membawa kadar hujan yang tinggi di kawasan tropika. Menurut kajian oleh *Massachusetts Institute of Technology (MIT)* peningkatan suhu sebanyak 1°C (Celsius) akan menyebabkan peningkatan kadar hujan sebanyak 10%. Peningkatan kadar hujan di kawasan-kawasan tropika terutamanya akan membawa kesan yang besar. Kawasan-kawasan yang basah akan mendapat hujan yang lebih banyak. Kawasan-kawasan yang kering pula akan menjadi lebih kering. Bukan sahaja banjir kilat (*flash flood*) atau banjir besar akan berlaku, malah hujan yang turun juga mungkin tidak menentu pada masa hadapan.



2 Apabila gas rumah hijau seperti gas karbon dioksida masuk ke dalam atmosfera (*atmosphere*) dalam jumlah yang tinggi, suhu atmosfera juga menjadi tinggi. Apabila suhu atmosfera tinggi, wap air dalam atmosfera juga menjadi meningkat. Apabila terdapat lebih banyak wap air dalam atmosfera, lebih banyak hujan akan berlaku.

3 Malaysia menerima cuaca yang panas pada sebelah petang dan hujan ribut pada waktu malam sejak satu minggu yang lalu. Suhu purata (*average*) di Malaysia ialah 32°C hingga 34°C. Ia menunjukkan suhu telah meningkat sebanyak 2°C. Saw Bun Liong, pengurus di Jabatan Meterologi Malaysia berkata, semasa hujan lebat, angin kuat akan berlaku. Beliau berkata, di kawasan-kawasan yang rendah dan di kawasan-kawasan bandar yang tidak ada sistem parit (*drain*) yang baik, banjir kilat juga mungkin berlaku. Pada bulan Mac 2011, Malaysia barat menerima hujan sebanyak 200% hingga 300% di atas kadar purata. Pada bulan Disember 2012 pula, seluruh Malaysia menerima hujan sebanyak 120% di atas kadar purata. Sebelum tahun 2011, bulan Mac di Malaysia ialah musim kering. Pada bulan-bulan Mac yang lepas, kalau ada hujan, sedikit sahaja atau tidak ada hujan langsung. Akan tetapi, pada bulan Mac 2011, jumlah hujan telah meningkat. Banjir besar berlaku di negeri Perlis, Terengganu, Kedah dan Perak. Malaysia dikatakan mengalami kesan perubahan cuaca.



4 Kerajaan menasihatkan orang ramai supaya membawa payung semasa keluar rumah untuk menangani keadaan hujan yang tidak menentu. Mereka juga mesti menutup peralatan elektrik yang tidak digunakan di rumah untuk mengelak daripada kerosakan alat elektrik akibat petir (*lightning*).

Disesuaikan daripada *Generasi Pengguna* (2013)

TEKS D

PESANAN RINGKAS DAN BAHASA REMAJA!

- ❶ Khidmat Pesanan Ringkas atau ringkasan dalam bahasa Inggerisnya, SMS, adalah satu kaedah menghantar mesej melalui telefon selular yang mempunyai kepanjangan sebanyak 160 aksara. Khidmat pesanan ringkas bukanlah satu-satunya teknologi menghantar teks. Namun, ia adalah standard yang digunakan oleh kebanyakan jaringan telefon selular.
- ❷ Ada beberapa faktor yang menyebabkan pesanan ringkas begitu popular. Pesanan ringkas menjimatkan masa. Menghantar pesanan ringkas juga sangat praktikal. Perkhidmatan pesanan ringkas menawarkan pelbagai maklumat seperti berita terkini, kesesakan lalu lintas dan hiburan seperti lagu dan filem.
- ❸ Dalam bahasa pesanan ringkas, ada kod grafik atau simbol untuk menggambarkan emosi seseorang seperti di bawah:
 - :) gembira
 - :(sedih
 - :-@ menjerit
 - :-) tersenyum
- ❹ Berikut adalah dua contoh pesanan ringkas yang sering digunakan dalam komunikasi remaja di telefon bimbit.
 - X gi ari ni.* (Tidak pergi hari ini.)
 - Helo, meh la chat dgn abg.* (Helo, marilah berbual dengan abang.)
- ❺ Had aksara sebanyak 160 secara tradisinya menyebabkan pengguna telefon meringkaskan perkataan. Contohnya, perkataan "tidak" diringkaskan menjadi "X" sahaja. Pengguna menggunakan kreativiti masing-masing untuk meringkaskan perkataan yang ditaip secara maksimum. Contohnya, huruf "c" (see atau lihat), "u" (you atau kamu) dan "y" (why atau mengapa) juga digunakan dalam bahasa pesanan ringkas.

- ⑥ Bahasa pesanan ringkas ada beberapa jenis. Jenis yang pertama ialah mencampurkan leksikal bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Contohnya, “baru best” (baru bagus), “study betul2” (belajar betul-betul), dan “nak chat?” (mahu berbual?). Jenis kedua pula ialah menggunakan singkatan untuk perkataan-perkataan tertentu. Contohnya, “akum” (assalamualaikum), “bhs” (bahasa), “gi” (pergi), “jer” (sahaja) dan “ptg” (petang). Jenis bahasa pesanan ringkas yang ketiga pula ialah gabungan dua perkataan yang diringkaskan. Contohnya, “amacam” (apa macam), “camne” (macam mana), “camtu” (macam itu), “pastu” (lepas itu), “tanak” (tak nak atau tidak hendak). Akhirnya, ada juga jenis bahasa pesanan ringkas yang menggunakan ejaan dengan sesuka hati walaupun salah. Contohnya, “bez” (best atau bagus), “abang ensem” (abang handsome atau abang kacak) dan “sume” (semua).
- ⑦ Komunikasi pesanan ringkas tidak pentingkan ayat yang gramatis. Subjek dan predikat dalam ayat juga tidak dipentingkan. Pengguna telefon bimbit hanya mementingkan maklumat. Pakar bahasa, Dr. Awang Sariyan berkata, dalam bahasa pesanan ringkas, remaja lebih banyak menggunakan bahasa yang tidak standard daripada bahasa standard. Implikasinya ialah kesantunan atau keindahan bahasa Melayu akan merosot. Inilah masalah paling besar yang harus kita hadapi dalam era teknologi maklumat kini.



Disesuaikan daripada *Dewan Siswa* (2007)